

HARI : SELASA

TARIKH : 17/9/2019

M/SURAT : 6

# Muafakat Nasional: Saifuddin ucap tahniah

Oleh SHARILFUDDIN SAARI  
pengarang@utusan.com.my

■ SINTOK 16 SEPT.

**P**EMBENTUKAN gagasan Muafakat Nasional antara UMNO dan Pas diharap dapat membawa negara ke arah sistem dua parti yang lebih baik dan matang pada masa depan, menerusi persaingan dasar dengan Pakatan Harapan (PH).

Setiausaha Agung PKR Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, persaingan dasar yang sihat seperti soal perbandingan dasar perumahan, peluang pekerjaan, hubungan kaum dan pertanian antara kedua-dua blok parti politik itu mampu membawa pembangunan negara yang lebih baik.

Sambil mengucapkan tahniah di atas pembentukan gagasan tersebut, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu menyerahkan kepada rakyat untuk menilai perkembangan terbaru politik tanah air itu.

“Biarlah rakyat dihidangkan perkara-perkara dasar daripada kita bercakap hal berkaitan perkauman yang tidak sihat.

“Beri peluang rakyat Malaysia menilai gabungan parti politik yang berdasarkan dasar dan program, kerana ini menunjukkan kemantangan politik dalam negara kita,” katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis



SAIFUDDIN  
NASUTION ISMAIL

perasmian Program Bank Makanan Siswa di Hotel dan Resorts EDC di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, semalam.

Mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa parti itu mempunyai rancangan untuk memasukkan UMNO ke dalam pentadbiran kerajaan Terengganu dan Kelantan, Saifuddin berkata, pihaknya mengambil sikap tunggu dan lihat.

“Apabila ini terjelma (UMNO dimasukkan dalam pentadbiran Pas), semakin jelas untuk PH ‘bertembung’ dan bukannya seperti bayang-bayang seperti mana sebelum ini,” katanya.